

Menjadikan Pembelajaran Jelas: Menggunakan Aplikasi ICT Bagi Membina Kemahiran Menulis

Northasia Mohamed Sadekan

northasia_mohamed_sadekan@schools.gov.sg

Norhamidah Hassan


norhamidah_hassan@schools.gov.sg

Sekolah Geylang Methodist (Menengah)

Abstrak

Kajian ini meneliti keberkesanan pendekatan Menjadikan Pembelajaran Jelas (MLV) dalam membantu pelajar mendalami pembelajaran. Para pelajar didapati kurang menyedari proses pembelajaran yang dilalui menyebabkan mereka kurang efisien untuk menambah nilai pada proses pembelajaran seterusnya. Dengan mendokumentasi proses pembelajaran, pelajar dapat menganalisis, menginterpretasi dan menilai maklumat bersama. Pelajar juga dapat mengenali kekuatan dan kelemahan proses pemikiran mereka. Di samping itu, penggunaan aplikasi kolaboratif dalam talian, *Coggle*, *Padlet* dan *Google Doc*, didapati mampu memperkaya pembelajaran berfokuskan kemahiran menulis. Guru dapat mengesahkan pembelajaran dengan memberi pandangan dan bimbingan secara langsung. Berdasarkan dapatan kajian, pendekatan MLV dapat memupuk budaya pembelajaran di sekolah yang merangsang pembelajaran secara individu dan berkumpulan.

Kata Kunci: Menjadikan Pembelajaran Jelas (MLV), dokumentasi, kolaborasi dalam talian, *Coggle*, *Padlet*, *Google Doc*, maklum balas



PENGENALAN

Antara tunjang utama pendekatan Menjadikan Pembelajaran Jelas (MLV) adalah belajar secara berkumpulan dan dokumentasi. Banyak kajian telah membuktikan bahawa pembelajaran di bilik darjah secara kolaboratif merupakan cara yang berkesan untuk membina kemahiran dan pengetahuan pelajar. Kerja berkumpulan berupaya menjadikan pembelajaran jelas melalui konteks sosial di mana emosi dan pengetahuan intelektual serta kemahiran pelajar boleh dikembangkan. Dalam era teknologi hari ini, penggunaan aplikasi kolaboratif dalam talian seperti *Coggle*, *Padlet* dan *Google Doc*, mampu memperkaya pembelajaran secara berkumpulan. Malah, melalui penggunaan aplikasi kolaboratif dalam talian, guru dapat mengesahkan pembelajaran dengan memberi pandangan dan bimbingan secara langsung.

Tugas mendokumentasi proses pembelajaran boleh dilakukan melalui rakaman video, gambar, catatan dan rakaman audio. Perkongsian bahan-bahan dokumentasi dengan pelajar berupaya menimbulkan pemahaman baharu tentang proses pembelajaran yang dilalui. Malah, dengan melihat kembali proses pembelajaran, guru dan pelajar boleh menganalisis maklumat bersama dan meraih pemahaman yang lebih baik mengenai apa yang dipelajari. Ini membolehkan guru mencorak langkah untuk memperdalam dan memperluaskan pembelajaran selanjutnya.

Di bilik darjah, guru sering melihat kerja berkumpulan dan dokumentasi sebagai dua perkara yang tiada kaitan. Guru mungkin hanya fokus pada pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif. Selepas itu, guru merancang untuk berkongsi produk pengajaran kepada pelajar mahupun guru-guru lain untuk mendapatkan maklum balas beberapa hari atau minggu kemudian. Namun, melalui kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa guru perlu menggabungkan kedua-dua bahagian ini kerana tugas integrasi ini berupaya menjadikan pembelajaran dan kehadiran aktif setiap pelajar lebih jelas.

PERNYATAAN MASALAH

Acap kali, pelajar dan juga pendidik tidak menitikberatkan proses-proses pembelajaran kolaboratif yang dilalui. Mereka hanya fokus pada hasil sahaja. Justeru, pelajar secara berterusan melakukan kesilapan yang sama dalam proses menghasilkan sesuatu produk pengajaran. Namun, setelah mengikuti kursus dalam talian MLV oleh Universiti Harvard, guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Geylang Methodist sepakat bahawa lebih prihatin perlu diberikan terhadap menilai proses-proses pembelajaran, selain daripada hasilnya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. melihat keberkesanan dokumentasi dalam menjadikan pembelajaran jelas;
2. membantu pelajar menyedari gaya pembelajaran mereka; dan
3. memperkaya pembelajaran kolaboratif pelajar melalui penggunaan aplikasi kolaboratif dalam talian.

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan artikel Mara Krechevsky & Janet Stork (2000), '*Challenging Educational Assumptions: lessons from an Italian-American collaboration*', terdapat empat pendekatan pendidikan. Pertama, pembelajaran merupakan kesan daripada aktiviti berkumpulan, bukan daripada aktiviti individu. Walaupun pembelajaran merupakan tindakan seseorang individu namun, bekerjasama secara efektif dalam kumpulan penting bagi proses pembelajaran seseorang individu. Sebagai pelajar yang merupakan sebahagian daripada persekitaran sosial yang lebih besar, mereka perlu mencipta pemahaman sendiri berdasarkan apa yang telah dipelajari ketika pembelajaran berkumpulan dijalankan. Pada masa hadapan, pembelajaran seharusnya menjadi sebuah aktiviti berkumpulan di mana pelajar mendengar dan bekerjasama di antara satu sama lain untuk mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang masalah, di



samping menerima dan menghormati pelbagai sudut pandangan.

Kedua, guru sebagai penjana, bukan pengguna teori. Secara amnya, guru merupakan fasilitator bagi pembelajaran pelajar. Namun, guru seharusnya menjadi pelajar dalam proses kajian yang berterusan mengenai pembelajaran pelajar mereka agar menjadi lebih mahir dalam memahami dan memudahkan pembelajaran untuk pelajar mereka.

Ketiga, penilaian dalam sekolah seharusnya lebih prihatin terhadap menilai proses-proses pembelajaran, selain daripada hasilnya. Buat masa ini, pembelajaran dinilai sebagai sesuatu produk, bukan proses. Penilaian untuk pembelajaran menerusi dokumentasi proses-proses pembelajaran pelajar dan hasil-hasil produk boleh menjadi bentuk penilaian yang lebih efektif kerana ia menunjukkan kekuatan dan kelemahan pelajar dalam proses pemikiran mereka.

Keempat, pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada dasarnya merupakan tindakan kognitif, bukan estetik, etika atau afektif. Penilaian secara kognitif merupakan bentuk penilaian yang utama di sekolah. Pihak sekolah perlu mempertimbangkan tindakan-tindakan estetik, etika atau afektif sebagai kaedah selidik mengenai pembelajaran pelajar. Pendekatan-pendekatan pedagogi sudah pasti boleh menjadikan pembelajaran pelajar secara berkesan dan inovatif. Pihak sekolah perlu membina satu budaya yang menghargai pembelajaran kumpulan dan menyokong pemikiran, cara pelajar berinteraksi dan meluahkan perasaan ketika berada dalam kumpulan supaya dapat menghasilkan pelajar yang lebih penyayang serta mempraktikkan demokrasi dalam kehidupan mereka.

Menurut John Hattie & Helen Timperly (2007), tujuan utama memberikan maklum balas adalah untuk mengurangkan percanggahan di antara pemahaman, kelakonan dan objektif semasa. Strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar dan guru untuk mengurangkan percanggahan ini, mungkin lebih atau kurang efektif dalam meningkatkan pembelajaran. Oleh itu, ia penting untuk memahami faktor-faktor yang menyebabkan hasil yang berbeza-beza.


Maklum balas ialah maklumat yang diberikan daripada seseorang agen, contohnya guru, rakan, buku, ibu bapa, diri sendiri dan pengalaman, mengenai aspek-aspek kelakonan atau pemahaman seseorang individu. Guru atau ibu bapa boleh membentulkan maklumat, rakan boleh mengongsi strategi alternatif, senaskhah buku boleh memberikan informasi untuk menerangkan idea-idea, ibu bapa boleh memberikan sokongan dan pelajar itu sendiri boleh mencari jawapan untuk menilai kesahihan sesuatu respons.

Pengajaran yang efektif bukan hanya melibatkan penyampaian maklumat dan pemahaman kepada pelajar atau memberikan tugas-tugas yang konstruktif, persekitaran dan pembelajaran sahaja. Ia juga melibatkan penilaian terhadap pemahaman pelajar mengenai sesuatu maklumat supaya tindakan pengajaran seterusnya dapat dipadankan dengan pemahaman pelajar pada masa kini.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan MLV melalui pemerhatian guru, rakaman video dan borang pemantauan. Tujuan kajian adalah untuk meneliti pencapaian pelajar dalam penulisan karangan naratif pada bahagian pemerian dan pengembangan konflik. Teknik ini memerlukan pelajar untuk mengimbas pelajaran yang telah dilalui mereka melalui tontonan rakaman video pengajaran ataupun pengamatan guru. Guru dapat memberi pandangan dan bimbingan kepada pelajar untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang keupayaan masing-masing dalam proses penulisan.

Guru menggunakan juga pendekatan *Gradual Release of Responsibility (GRR)* iaitu melepaskan tanggungjawab secara beransur-ansur kepada pelajar. Gaya pengajaran ini berteraskan pedagogi yang berstruktur di mana tanggungjawab pembelajaran daripada guru beralih kepada pelajar. Guru merancang pelajaran yang dapat mengalihkan tanggungjawab melaksanakan tugas yang awalnya memerlukan panduan guru dan beransur-ansur meningkatkan keupayaan pelajar mengambil tanggungjawab melaksanakan tugas tanpa bantuan guru. Pendekatan ini menggalakkan pelajar meningkatkan kemampuan berfikir dan akhirnya menjadi pelajar kendiri.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 5 orang pelajar Menengah 1 Ekspres yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Pelajar-pelajar ini telah didedahkan kepada penulisan karangan deskriptif pada awal tahun selama satu semester. Karangan jenis naratif hanya didedahkan pada semester kedua. 5 orang pelajar ini dibahagikan kepada 2 kumpulan secara rambang. Mereka bertugas dalam kumpulan secara kolaboratif untuk keseluruhan kajian ini.

Instrumen Kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, pendekatan MLV telah digunakan untuk membantu pelajar sedar akan proses pembelajaran mereka. Pelajar dapat melihat kembali, membaca dan mengingat pelajaran mereka dengan lebih berkesan. Mereka, kemudian, boleh menganalisis, menginterpretasi dan menilai maklumat bersama. Rakaman video dan borang pemantauan digunakan sepanjang pengajaran. Video dan borang pemantauan berfungsi untuk mendokumentasikan tindakan dan respons pelajar. Data yang diperolehi ini dikemukakan dalam pelajaran selanjutnya untuk menimbulkan kesedaran pelajar tentang proses pembelajaran yang berkesan.

Penggunaan alat ICT *Coggle* dapat membantu pelajar menjana idea bersama. Pelajar saling membantu dalam membina jalan cerita di kanvas yang sama untuk karangan mereka kelak. *Padlet* pula digunakan khususnya untuk pemilihan frasa-frasa berbunga dan juga pemerian yang sesuai bagi senario yang diberikan untuk pengembangan konflik. *Google Doc* digunakan untuk penulisan karangan naratif secara kolaboratif dalam kumpulan masing-masing. Semasa aktiviti penulisan berlangsung, guru meneliti dan menegur demi memperbaiki penulisan pelajar.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sebanyak 2 kitaran selama 4 minggu. Pelajar mengembangkan plot pada bahagian konflik. Setiap kitaran mengambil masa selama 4 waktu.

Kitaran 1:

Pelajar menggunakan cerpen Sutulisan Cikgu Hazlan Mohd Aris daripada antologi cerpen Tuai Padi Antara Masak. Setelah membincangkan tema dan plot cerpen, mereka memberi tumpuan terhadap suatu aspek daripada cerpen tersebut. Pelajar menggunakan teknik *SCAMPER* untuk mengubah konflik. Proses ini dilakukan di *Coggle*. Pelajar memulakan tugasan dengan membuat perubahan pada konflik. Perbincangan yang menyusuli dapat mengesahkan kemampuan pelajar untuk mengembangkan konflik dengan baik.

Dengan pengetahuan yang jelas bagi pembinaan jalan cerita yang baharu, pelajar memulakan penyenaraian frasa-frasa berbunga dan pemerian yang sesuai demi mengukuhkan penceritaan mereka. Frasa-frasa dan pemerian ini dikumpulkan di *Padlet* dan disusun mengikut subkategori misalnya, perasaan tertentu yang ingin mereka kemukakan dalam cerita. Bahagian terakhir memerlukan pelajar menyulam cerita dengan baik. Kerjasama antara pelajar akan menentukan keberkesanan dan kejayaan mereka menulis secara kolaboratif di *Google Doc*. Guru memainkan peranan yang besar dalam menentukan kerja berjalan dengan betul dan berkesan. Borang pemantauan digunakan untuk meneliti sumbangan pelajar terhadap proses penulisan ini. Guru menyentuh secara langsung semasa kerja kolaborasi berlaku. Guru menyerlahkan setiap tindakan pelajar yang telah menyumbang dengan berkesan terhadap perkembangan konflik tadi. Ini dapat memandu pelajar ke arah jangkaan yang ingin dikecapi.

Kitaran 2:

Pelajar ditugaskan merancang plot bagi senario yang tertentu. Mereka memulakan proses penulisan yang agak sama seperti dalam kitaran pertama. Pelajar menggunakan *Coggle* untuk menyumbang dan menyusun idea bagi cerita baharu. Setelah perbincangan dijalankan, pelajar beralih kepada *Padlet* untuk menyusun frasa-frasa dan pemerian yang sesuai mengikut kehendak cerita mereka. Pengembangan konflik dilaksanakan di *Google Doc* sementara guru memantau aktiviti pelajar. Pelajaran bagi kitaran 2 ini dirakam seluruhnya. Rakaman video ditunjukkan kepada pelajar untuk memperlihatkan tindakan



atau respons pelajar yang menyumbang kepada keberkesanan penulisan. Melalui tontonan semula video, pelajar dapat melihat semula dengan jelas tindakan yang mereka ambil dalam menyumbang ke arah penulisan yang baik. Perbuatan menyerlahkan tindakan dan respons pelajar berfungsi sebagai pengesahan, lantas, menjadikan pengajaran itu lebih jelas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang dikumpulkan merupakan penelitian dan maklum balas guru daripada proses karangan pelajar. Guru telah membimbing pelajar semasa mereka mengarang secara kolaborasi. Bimbingan yang diberikan merupakan maklum balas guru tentang kekurangan dan kelebihan pelajar dari segi pemerian dan pengembangan konflik. Maklum balas guru melibatkan teguran terhadap kesalahan gramatis dan juga penyusunan plot cerita agar pelajar dapat dibantu untuk menjadikan pembelajaran menjadi lebih jelas. Pelajar dapat membuat pembetulan secara langsung bersama rakan. Selain pembetulan, kesalahan tersebut dapat ditonjolkan untuk mengajak pelajar berfikir secara kritis dan mencari penyelesaian yang lebih berkesan.

Rakaman yang dimainkan semula dapat membangkitkan beberapa respons dalam diri pelajar. Mereka dapat melihat cara pembelajaran yang berkesan; iaitu yang dapat membina ke arah kerja kolaborasi yang sempurna, di mana pelajar saling mendukung kerja sesama sendiri. Ini jelas kelihatan semasa maklum balas guru berlaku dan salah seorang akan mengambil tindakan untuk membuat pembetulan atau menambah baik penulisan sementara karangan itu terus dikarang oleh ahli yang lain. Pelajar telah berjaya memastikan beberapa unsur dimasukkan dalam karangan naratif mereka seperti pemerian yang sesuai iaitu kata adjektif dan frasa berbunga dan juga penggunaan dialog untuk membangkitkan pengalaman pembaca. Guru mengambil peluang untuk menyerlahkan segala aktiviti pelajar yang menyumbang ke arah pembentukan kerja dinamik secara sedar.

Daripada 5 orang pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini, 60% orang pelajar telah menunjukkan peningkatan dari segi markah pada peperiksaan akhir tahun berbanding karangan naratif yang dilakukan pada


awal semester 2. Peningkatan serendah 7.5% dan setinggi 15% telah dirakam. Secara keseluruhan, pengajaran menggunakan alat ICT telah meningkatkan kepuasan kepada pengalaman penulisan pelajar. Pelajar turut bersetuju bahawa mereka dapat bekerjasama dengan lebih berkesan apabila melakukan aktiviti menulis secara kolaboratif. Pelajar akur bahawa guru memainkan peranan semasa memberi maklum balas secara langsung dan ia dapat menjadikan pengajaran jelas bagi mereka.

Melalui aktiviti kolaborasi dan maklum balas guru terhadap pembelajaran pelajar, banyak manfaat yang telah diraih. Guru dapat mengenal pasti kekuatan dan kekurangan pelajar dalam proses penulisan. Guru dapat mendedahkan pelajar kepada cara berfikiran kritikal dan mencari penyelesaian bersama dalam proses ini. Aktiviti ini harus dilanjutkan sehingga pelajar selesa untuk menulis tanpa panduan. Pelajar yang lemah akan sentiasa dibantu rakan yang lebih mahir. Kajian telah membuktikan bahawa pelajar dapat memperkaya pengalaman dan meningkatkan prestasi penulisan mereka. Aktiviti ini harus dilanjutkan agar semua pelajar dapat meraih manfaat sepenuhnya.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini amat memberangsangkan. Pendekatan MLV menggunakan dokumentasi menunjukkan tren yang progresif dalam pencapaian pelajar dalam mengenali dan memperbaiki proses pembelajaran mereka. Tidak dinafikan bahawa pada awalnya, ada pelajar yang berasa canggung apabila mengetahui proses pembelajaran mereka didokumentasi atau ketika menonton semula rakaman pembelajaran mereka. Namun setelah beberapa kali melaluinya, ramai yang lebih bersifat terbuka dan melihat kesan positif dokumentasi dalam memperkaya pembelajaran mereka.

Pembelajaran secara kolaboratif menggunakan aplikasi dalam talian, *Coggle*, *Padlet* dan *Google Doc* juga didapati berkesan dalam menjana jaringan pembelajaran kolaborasi yang luas, tidak terikat hanya di bilik darjah. Selain itu, guru boleh memantau proses pembelajaran dari masa ke semasa dan memberi pandangan dan bimbingan secara langsung.



Walaupun proses mendokumentasi memakan masa kerana pelajar perlu diberi waktu untuk melihat kembali dan menganalisis pembelajaran yang dilalui, namun masa dan usaha tersebut berbaloi. Natijahnya, guru harus berusaha untuk memberi ruang kepada pelajar mengenali proses pembelajaran mereka agar pelajar secara kendiri dapat memikirkan cara untuk menambah nilai dan memperbaiki pembelajaran selanjutnya.

Kesimpulannya, guru dan pelajar dapat melihat keberkesanan pendekatan MLV dalam kerja kolaborasi menggunakan aplikasi dalam talian dalam usaha memperkaya pembelajaran berfokuskan kemahiran menulis.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Zuraidah Omar

RUJUKAN

Hattie, J., dan Timperley, H., (2007). *The Power of Feedback*. Dalam Review of Educational Research. Vol. 77, No. 1, hlm 81-112. DOI: 0.3102/003465430298487

Krechevsky, M., dan Stork, J., (2000). Artikel Challenging Educational Assumptions: lessons from an Italian-American collaboration. *Cambridge Journal of Education*, Vol. 30, No. 1.

Krechevsky, Mara, dan Stork, Janet, dari Project Zero, Harvard Graduate School (2000). Artikel Challenging Educational Assumptions: lessons from an Italian-American collaboration. Dipetik pada 11 November 2019 dari <http://www.pz.harvard.edu/resources/challenging-educational-assumptions-lessons-from-an-italian-american-collaboration>